

# Pelawat antarabangsa ke Sungai Kinabatangan meningkat

UB 13.9.2016 85

SANDAKAN: Kajian menunjukkan pelawat antarabangsa yang berkunjung ke pusat pelancongan di sepanjang Sungai Kinabatangan memperlihatkan peningkatan.

Profesor Madya Sains Alam Sekitar dan Eko-Pelancongan Universiti Murdoch Perth Dr David Newsome berkata sebanyak 36 peratus pengunjung dikenal pasti adalah mereka yang berumur 25 hingga 34 tahun.

Menurutnya hasil data daripada responden, 95 peratus daripada mereka melakukan lawatan pertama kali ke Kinabatangan, 96 peratus pulang yang berkunjung bagi mendapatkan pengalaman menyaksikan hidupan liar.

Jelasnya lebih 80 peratus pelawat telah menamatkan pengajian tinggi sementara 82 peratus lagi masih dalam pengajian.

"Sebanyak 83 peratus lagi pelawat yang ditemui sebagai responden menjadikan Kinabatangan antara lokasi destinasi perjalanan mereka," katanya.

Beliau menyatakan hasil kajian itu dalam sidang media selepas menyampaikan Seminar Tinjauan Pelawat Pelancongan Hidupan Liar di Sepilok Jungle Resort, di sini.

Seminar berkenaan dianjurkan oleh Persatuan Pengusaha Pelancongan

Koridor Kehidupan Kinabatangan (KiTA) dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Murdoch Perth Australia, Unit Pembangunan Pelancongan BIMP-EAGA dan penaja bersama Lembaga Pelancongan Sabah.

David berkata hidupan liar di Kinabatangan merupakan faktor utama kepada peningkatan kehadiran pelancong ke kawasan berkenaan.

Katanya hasil kajian turut menyaksikan, sungguhpun pelancong berpuashatinamun terdapat dalam kalangan mereka yang melahirkan kebimbangan berhubung kemampuan masa depan pelancongan di kawasan berkenaan.

Beliau berkata kebimbangan adalah berhubung sampah dan tahap kebersihan sungai akibat aktiviti perindustrian minyak sawit.

Sehubungan itu, beliau berkata adalah penting masalah berkenaan ditangani bersama agensi kerajaan, swasta serta masyarakat setempat.

David yang pernah datang ke Sabah dalam tempoh 10 tahun yang lalu di Kinabatangan berkata ia beranggapan bahawa tempat itu adalah dunia pelancongan terbaik di Asia pada masa itu.

Sehingga dia kembali untuk kajian itu, beliau



ALEXANDER menyampaikan cendera kenangan kepada Kate.

berkata ia adalah penting agar Kinabatangan kekal sebagai destinasi eko-pelancongan dan mempromosi tempat berkenaan.

Sementara itu, Presiden KiTA Alexander Yee berkata ia adalah satu inisiatif penting di mana pihaknya juga akan dari semasa ke semasa meningkatkan usaha membangun eko-pelancongan di Kinabatangan serta melihat lebih terperinci pada hasil kajian berkenaan.

"Ia juga untuk meneruskan pembangunan aktiviti hidupan liar dan pelancongan di Kinabatangan dengan tadbir urus yang baik seperti pada masa ini," katanya.

Alexander berkata tinjauan itu merupakan yang pertama dilaksanakan oleh KiTA dengan kerjasama rapat pakar akademik dari Universiti

Murdoch.

Beliau berkata pihaknya juga akan menjalin kerjasama dengan UMS bagi melaksanakan penyelidikan intensif di Hilir Kinabatangan.

Sehubungan itu, beliau memberitahu pihaknya bersedia memberi bantuan dan kerjasama yang diperlukan bagi merealisasikan kerjasama itu untuk manfaat kawasan Hilir Kinabatangan.

Turut hadir di seminar itu ialah Pensyarah Sekolah Sains Hayat dan Veterinar Universiti Murdoch Dr Kate Rodger dan Pensyarah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS Jennifer Chan Kim Lian yang juga Ketua Unit Pembangunan Pelancongan BIMP-EAGA.

-Oleh YUSOP TEPO



DAVID bergambar bersama Alexander dan ahli KiTA.